



Ruj : SMAPG 600-5/1/9 ( 9 )  
Tarikh : 4 Mac 2021

Semua Waris Pelajar Tingkatan 1 – 5 Sesi Persekolahan 2021  
SMA Pekan Gurun

Tuan/Puan,

### **MODUL PEMBELAJARAN DI RUMAH .**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa hasil Kajian Kesiediaan Murid dalam Pembelajaran Secara dalam Talian yang telah dilaksanakan oleh KPM pada akhir tahun lalu mendapati bahawa terdapat 36.9 peratus murid tidak mempunyai sebarang peranti bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

2. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah telah mengambil inisiatif untuk menyediakan modul pembelajaran di rumah mulai 7 Mac 2021 ini sehingga sekolah dibuka semula. Modul ini juga digubal berdasarkan jadual waktu 2.0 yang telah diedarkan kepada anak tuan/puan baru-baru ini. Modul ini disediakan untuk seminggu mengikut jadual waktu berkenaan. Tuan/puan disaran untuk memantau dan memastikan anak tuan/puan membuat latihan yang diberikan dan menghantar semula modul ini untuk mendapatkan modul berikutnya. Tarikh pengambilan dan penghantaran modul adalah seperti berikut:

Bil	Modul	Tarikh mengambil modul mulai	Tarikh menghantar modul mulai	Lokasi dan masa
1.	<b>Modul 1</b>	7 Mac 2021 – Ahad mulai jam 10.00 pg	14 Mac 2021 – Ahad mulai jam 10.00 pg	Balai Pengawai sekolah dan waktu ditutup jam 8.00 mlm setiap hari.
2.	<b>Modul 2</b>	14 Mac 2021 – Ahad mulai jam 10.00 pg.	21 Mac 2021 – Ahad mulai jam 10.00 pg	
3.	<b>Modul 3</b>	21 Mac 2021 – Ahad mulai jam 10.00 pg	Bawa dan serah pada hari sekolah dibuka semula.	

3. Pihak sekolah juga memohon kerjasama tuan/puan untuk hadir ke sekolah pada tarikh yang dinyatakan untuk mengambil dan menghantar modul berkenaan. Untuk makluman, pembelajaran dalam talian mengikut jadual waktu PdPR 2.0 akan diteruskan sehingga sekolah dibuka semula melalui aplikasi yang disarankan oleh guru mata pelajaran berkenaan. Mohon patuhi SOP PKPB dan memakai pelitup muka semasa hadir di sekolah ini. Kerjasama daripada pihak tuan/puan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”**

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI MOHAMMAD NOR AZAM BIN AHMAD)  
Pengetua  
SMAP Gurun